



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	21/11/2019	MUKA SURAT	:	49
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

# Keadaan 'Iman' kian tenat

## Badak sumbu Sumatera dipercayai akan pupus

Oleh Fardy Bunga dan Norasikin Daineh  
bhnews@bh.com.my

**Kota Kinabalu:** Badak sumbu Sumatera akan pupus di negara ini apabila satu-satunya mamalia itu yang dikenali sebagai 'Iman' menghadapi masalah kesihatan serius dan tenat.

Tahap kesihatan haiwan itu yang kini ditempatkan di Hutan Simpan Hidupan Liar Tabin, disahkan pasukan doktor haiwan diketuai Dr Zainal Zahari Zainuddin.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Christina Liew, berkata pasukan itu memaklumkan ketumbuhan uterus mamalia berkenaan semakin membesar sejak ia dikesan pada Mac 2014 dan usaha untuk membuang ketumbuhan itu amat berisiko tinggi.

"Menurut laporan, berat Iman menyusut kepada 476 kilogram. Pemakanan haiwan ini tidak normal dan terpaksa diberikan makanan tambahan bagi menampung keperluan kesihatannya.

"Situasi ini mengingatkan kita kepada 'Puntung' (badak sumbu Sumatera) yang terpaksa 'dima-



**Christina melawat Iman** di Hutan Simpan Hidupan Liar Tabin.

(Foto Ihsan Jabatan Hidupan Liar Sabah)

tikan' selepas sel kanser yang dialami semakin melarat sehingga terpaksa menanggung kesakitan berpanjangan," katanya pada sidang media di pekarangan Dewan Undangan Negeri (DUN), di sini, semalam.

Christina yang juga Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, berkata pelbagai cadangan rawatan yang diberikan perlu dibuat berdasarkan na-

sihat pasukan pakar perubatan veterinar.

Beliau juga memberitahu kerajaan negeri akan mempercepatkan proses perundangan dengan pihak Indonesia bagi melakukan prosedur persenyawaan in vitro fertilisation (IVF).

Katanya, langkah berkenaan akan membabitkan proses mengekstrak telur Iman untuk disenyawakan dengan sperma ba-

dak sumbu Sumatera di Indonesia.

Untuk rekod, sebelum ini kerajaan negeri pernah mempersenyawakan telur Iman dengan sperma yang diambil daripada Puntung yang mati pada Mei lalu di Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Sandakan, namun usaha berkenaan gagal berikutan sperma berkenaan tidak lagi berkualiti.